

## BAB II

### WAKAF DITINJAU DARI PERSPEKTIF ISLAM

#### 2. Pendahuluan

Kajian ini ditinjau daripada perspektif Islam iaitu dilihat dari pengertian waqaf baik secara bahasa mahupun istilah dalam pandangan ulama-ulama terdahulu dan dihubungkan dengan pandangan para pemikir Islam kontemporari. Bahkan, kajian ini cuba menganalisis tentang manfaat daripada wakaf tanah, yang dapat menjana kemajuan untuk meningkatkan kesejahteraan umat Islam daripada hasil pemanfaatan harta wakaf tersebut. Selain itu, menjadikan tanah wakaf produktif supaya berkembang sesuai dengan anjuran agama Islam. Pelaksanaan wakaf harta ini dapat memanfaatkan kepada umat Islam lantas menjadi satu formula baru dalam pengembangan tanah wakaf.

#### 2.1 Pengertian Wakaf

Menurut beberapa ulamak.<sup>1</sup> Waqf: adalah menahan zat (asal) benda yang menggunakan manfaatnya pada jalan (agama) Allah.<sup>2</sup> Penjelasan Ibn

---

<sup>1</sup> Antaranya Imām Taqy al- Dīn yang mendefinisikan wakaf dari segi istilah dengan menahan harta yang dapat diambil manfaatnya. Zat (*asal*) harta tersebut mesti tetap dan tidak boleh dipindahkan. Harta wakaf tersebut mesti di manfaatkan bagi tujuan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Swt, lihat Abū Bakr Bin Muḥammad Taqy al-Dīn (t,t), *Kifāyat al-Akhyār fī hāili Ghāyat al-Ikhtisār*, Kaherah: Aḥmad bin Sa'īd Nabham , h.319; Sementara Al- Muḥḥaqqiq al-Ḥullī dari kalangan Ja'fariyyah mentakrifkan wakaf sebagai akad yang hasilnya adalah menahan asal benda dan memberikan manfaatnya, lihat Ja'far bin al- Ḥasan bin Abī Zakarriyā Yahya bi al-Ḥasan ( w. 676 H), *Sharā' al-Islām*, j.1 Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h.246; Muhammad Abū Zahrah pula mentakrifkan dengan maksud menahan 'ain (asal) sesuatu harta yang menyalurkan hasilnya, atau menahan 'ain (asal) sesuatu harta yang menyedekahkan manfaatnya, lihat

Manzūr dalam *Lisān al -A'rab* mentakrifkan wakaf secara bahasa dan dengan berdiri atau berhenti. Wakaf jika dikaitkan dengan harta membawa maksud penahanan hak milik bagi faedah tertentu.<sup>3</sup> Ada juga yang menjelaskan makna wakaf secara bahasa berasal daripada perkataan Arab *waqfun* (وقف), iaitu bentuk masdar (*infinitive noun*) daripada ucapan *waqfu al-ashay*” (وقف الشيء) yang membawa maksud menahan sesuatu.<sup>4</sup> Ia juga berasal dari kata *al-habsu* (الحبس) yang bermaksud menahan ataupun *al-am'u* (المنع) yang bermaksud mencegah.<sup>5</sup>

Namun menurut istilah jumur ulama sebagai membekukan harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain.<sup>6</sup> Oleh itu, pengertian wakaf menurut bahasa daripada penjelasan diatas adalah menyerahkan tanah kepada orang-orang miskin untuk dapat dimanfaatkan hasilnya. Di ertikan demikian kerana barangan miliknya dipegang dan ditahan oleh orang lain seperti menahan ternak, tanah dan yang lainnya.<sup>7</sup> Harta yang diwakafkan mestilah dalam keadaan yang baik dan tujuan berwakaf adalah untuk memberikan kebajikan kepada orang lain serta mendekatkan diri kepada Allah Swt.

Oleh kerana itu dapat disimpulkan bahawa amalan wakaf telah menyebabkan hilangnya hak mengguna bagi pemberi wakaf (*waqif*) dan

---

Muhammad Abū Zahrah (1959), *Muḥāḍarāt fī al-Waqf*. Beirut: Jāmi'ah al Dār - al-Fikr Al- Arabī ,h.7. Manakala Muhammad al-Ḥusni mendefinisikan wakaf dengan maksud menahan barang dan memberikan hasilnya, lihat *Hidāyat al -Anām li Sharī'ah al-Islām*, j.2.h.227.

<sup>2</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, (Kuwait; Dār al-Bayān, 1971), 3:378

<sup>3</sup> Ibn Manzūr Muḥammad ibn Mukarram, *Lisān al-'Arab*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1990) 9:359.

<sup>4</sup> Muḥammad “Abīd “Abd Allāh al-Kabiṣī, *Hukum Wakaf*, terj, Ahrul Sani Fathurrahman.( Jakarta Dompert Dhuafa Republika dan IIMAN Press 2004),37

<sup>5</sup> Badrān Abū al-'Aynayn Badrān, *Aḥkām al-waṣāyā wa al-Awqāf*. (Kaherah: Mua'assasah Shabab al-Jami'ah, 1987), 260

<sup>6</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*, ( Damshik : Dār al-Fikr, 1985), 8: 153.

<sup>7</sup> Zamarkashi menjadikan majaz,“dia mewakafkan tanah itu kepada anaknya“ lihat Asas Balāghah, j.2,h.507

mengambil faedah terhadap harta yang diwakafkan. Oleh itu, pewakaf (*waqif*) tidak memiliki sebarang hak ke atas tanah yang di wakafkan, dan hak harta tersebut telah dikembalikan kepada Allah Swt. Bagaimanapun (*waqif*) akan memperoleh ganjaran pahala secara berterusan selama harta wakaf dimanfaatkan bagi tujuan kebaikan.

Adapun wakaf menurut istilah telah ditakrifkan oleh para pendapat ulama dengan pelbagai definisi. Juhur Ulama Shafiyah mentakrifkan wakaf pelbagai yang maksud.<sup>8</sup> Imam Nawawi berpendapat bahawa wakaf adalah menahan harta yang dapat dimanfaatkan orang ramai dan manfaat benda tersebut adalah untuk kebaikan serta mendekatkan diri kepada Allah Swt.<sup>9</sup> Hanafiyah pula mendefinisikan wakaf dengan berbagai makna.<sup>10</sup> antaranya Iman Sharkhasi<sup>11</sup> yang mengatakan bahawa wakaf adalah menahan harta daripada pemilikan orang lain.<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup> Antara lain al-Sharbīnī al-Khaṭīb, beliau adalah Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī al-Khaṭīb Shamsuddin, seorang pakar fikah dan juga pakar tafsir bermazhab Shāfi'ī dari Kairo mendefinisikan wakaf dengan menahan harta yang boleh diambil manfaatnya. Keamanan harta tersebut kemudian dijaga dan di putuskan kepemilikannya untuk di usahakan pada perkara yang dibolehkan, lihat Muhammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al- Muḥtāj ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, j.12. Kaherah : Sharikah Maktabah wa Maṭba'ah Mustāfa al-Bābi al- Ḥalabī wa Awlādūh , h 376 dan *al -Iqnā' fi Hallī Abī Shujā'*, j 2, h 109, juga Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al- Minhaj, j 4.h . 259; Manakala Sheikh Shihābudīn al Qalyūbī mendefinisikan wakaf dengan menahan harta untuk di usahakan pada perkara yang dibolehkan dengan menjaga keutuhan harta tersebut, lihat Muhammad 'Abid 'Abd Allah al-Kabisī (2004) *Op.,cit.*,h.41: Sementara T.M. Hasbi al-Siddiqi juga menulis pendapat Shāfi'ī yang disepakati oleh Mālik dan Aḥmad tentang wakaf sebagai suatu ibadah yang disyariatkan, dan ia menjadi umum dengan sebutan lafaz walaupun tidak diputuskan oleh hakim, serta hilang hak keatas benda tersebut meskipun benda itu ada dalam genggamannya, lihat T.M Hasbi al-Sadiqqi (1970), *Hukum-hukum Fiqh Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, h.159.

<sup>9</sup> Lihat al-Munāwī (t,t) *Taysīr al Wuqūf "ala Ghawāmidī al-Wuqūf*. Di rekod daripada perpustakaan Al-azhar, nombor: 709/5581

<sup>10</sup> Manakala al-murghinānī, seorang Sheikh Islam yang bernama lengkap burhānuddin 'Alī bin Abī Bakr al-Murghinānī, wafat tahun 593 H mendefinisikan wakaf Imam Abū Ḥanīfah sebagai menahan harta dibawah tangan pemiliknya yang disertai dengan pemberian manfaat sebagai sedekah, lihat *Muhammad Abīd 'Allāh AlKabisī* (2004), *Op.cit .*, h.47.

<sup>11</sup> Dia adalah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sūhī Shamsu al A,Imamah al-Sharkhasī, seorang pakar ijthad dalam pelbagai permasalahan fikah . Adapun nama al-Sharqasi ( yang diberikan kepadanya) adalah nama salah satu kota kecil di daerah Khurasan

<sup>12</sup> Al-Saraqasi, (W. 490-500 H), *al-Mabsūṭ*, j.12. Mesir: al-Sa'ādah, h.27.

Sedangkan Malikiyyah berlain pendapat dalam mengertikan wakaf<sup>13</sup> Majoriti mereka berpendapat bahawa wakaf adalah pemberian manfaat sesuatu harta milik individu kepada orang lain yang patut menerimanya dengan satu akad tertentu (sighah) dalam tempoh yang ditentukan individu tersebut.<sup>14</sup> Manakalah Ibn Qudāmah dari mazhab Hambali mentakrifkan wakaf sebagai menahan harta pemberian dan menyedekahkan hasilnya.<sup>15</sup> Golongan Zaidiyah juga mendefinisikan wakaf dengan yang berlainan.<sup>16</sup> Abu al- Qasim, pengarang kitab al-shifa' menghuraikan wakaf sebagaimana dikutip oleh Ibn Mita.<sup>17</sup> sebagai pemilikan khas dengan cara yang khas dan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT.<sup>18</sup>

Pelbagai pendapat para Imam Mazhab bahawa dapat dianalisis sebuah kesimpulan, wakaf merupakan harta produktif umat Islam yang berkembang, ada beberapa perselisihan faham dan pengertian pengurus harta wakaf tersebut. Ada yang berpendapat kepada bendanya sahaja dan ada juga berpendapat kepada pelaksanaan dari benda dan hasil harta yang diwakafkan.

Perkara yang diwakafkan harus bersifat tahan lama tidak musnah, benda yang diwakafkan kemudian menjadi milik Allah SWT dan berhenti dari peredaran

<sup>13</sup> Sementara Ibn 'Arafah yang bernama lengkap Muhammad ibn 'Arafah Abū 'Abd Allāh , seorang pakar fikah mazhab Māliki yang wafat pada tahun 803 H mendefinisikan wakaf dengan maksud pemberian manfaat suatu benda pada kadar yang dihadkan, bersamaan dengan tepatnya wakaf dalam kepemilikan si pemberi (*wāqif*) meskipun hanya sebagai andaian, lihat Muḥammad al-Khurashī (1317 H) , op.cit., h.78.

<sup>14</sup> Muḥammad al-Sharbīnī al-Khatīb (1958), op.cit., h.376.

<sup>15</sup> Abū Muḥammad bin Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah (1972), *al-Mughnī ibn Qudāmah* , j .6 .Kaherah : Maktabah al-Qāhirah , h.3

<sup>16</sup> Manakalah Aḥmad bin Qāsim al-Anīsh mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta yang dapat di dimanfaatkan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah, dan keutuhan harta tersebut mesti dijaga, lihat Aḥmad bin Qāsim al-Anish al-Yamanī al-Sun'ānī (1947), *al Tāj al-Madhab li Ahkām al-Madhabī*, j.3. Kaherah : 'Īsā al Bābi al-Halabī, H.281

<sup>17</sup> Beliau adalah 'Abd Allāh' Abū al-Qāsim Abū al-Ḥasan bi Miftāh, seorang pakar fikah mazhab Zaidiyah yang zuhud dan wafat pada tahun 877 H

<sup>18</sup> Abū al-Ḥasan 'Abd Allāh bin Miftāh (1430 H) *al -Muntaza' al -Mukhtār min al-Ghatyh al-Midrār al Miftāh li Kamā'im al-Azhar Fiqh al-A'immah al-Aṭār*, j.3 .Mesir al-Ma'arif, h .458.

dengan tidak boleh diperjual belikan dan diwariskan dan tidak boleh disedekahkan. Hal yang sama menurut undang-undang Belanda disebut sebagai: *Goederen in dode hand*.<sup>19</sup>

Adapun pengertian wakaf menurut Peraturan Kerajaan Indonesia Nombor 28 Tahun 1977, tentang perwakafan tanah milik pasal 1, yakni (1) Wakaf ialah perbuatan hukum seseorang atau badan hukum yang memisahkan sebahagian harta kekayaannya yang berupa tanah milik dan menginstutuskan untuk selama-lamanya untuk kepentingan peribadatan atau keperluan umum lainnya, bersesuai dengan ajaran Islam.<sup>20</sup> Dalam penguatkuasaan perundangan di Indonesia, wakaf secara spesifik dengan menemukan titik temu dari pelbagai pendapat ulama di atas, sehingga makna wakaf dalam konteks Indonesia lebih luas dan lebih lengkap. Hal ini dapat dilihat dalam rumusan pengertian wakaf dalam Undang-undang Nombor 41 Tahun 2004 tentang wakaf, yang berbunyi:

“Wakaf adalah perbuatan hukum Wakif untuk memisahkan dan atau menyerahkan sebahagian harta benda miliknya untuk diurus selamanya atau untuk jangka waktu tertentu sesuai dengan kepentingannya guna keperluan ibadah dan atau kesejahteraan umum menurut syariah”.<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Ibid

<sup>20</sup> Departemen Agama RI, *Himpunan Peraturan Perundang-undangan Perwaqafan Tanah Milik, Projek Pembinaan Zakat dan Wakaf*, Jakarta, 1985, 91. Lihat juga Depag RI, *Peraturan Perwaqafan (Waqf Regulation)*, Depag RI Ditjen Bimas Islam dan Urusan Haji Direktorat Urusan Agama Islam, 1998, 2. Lihat juga, Departemen Agama RI, *Waqaf Tunai dalam Perspektif Islam*, Penerbit, Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji, Direktorat Pengembangan Zakat dan Wakaf, 2005), 20.

<sup>21</sup> Undang-undang Nomor 41 Tahun 2004 tentang waqaf, sekysen 1 ayat 1

## 2.2 Rukun Wakaf

Rukun wakaf merupakan perkara-perkara yang perlu ada untuk mewaqafkan sesuatu. Ketiadaan salah satu daripada rukun ini boleh menyebabkan amalan wakaf yang dilakukan tidak sah. Dalam membicarakan rukun-rukun wakaf para fukaha membahagikannya kepada empat iaitu:<sup>22</sup>

### 2.2.1 Pewakaf (*Waqif*)

Waqif atau orang yang melakukan wakaf atau pewakaf ialah orang yang menyerahkan harta wakafnya sebagai wakaf am kata lain orang yang memberikan sesuatu harta miliknya untuk diwakafkan,<sup>23</sup>

### 2.2.2. Yang Menerima Harta Wakaf (*Mawqūf ‘alayh*)

Mawqūf bererti orang yang berhak untuk memanfaatkan harta wakaf sama ada orang itu sendiri daripada agama Islam atau orang kafir. Pemilik harta atau bukan atau orang pemilik harta tetapi mendapat hak manfaat sahaja. Harta wakaf seperti ini diserahkan kepada orang-orang tertentu antaranya seperti orang-orang fakir, para ulama, masjid dan sebagainya. Para ulama

---

<sup>22</sup> Syed Othman al-Habsi, “*Baitulmal dan wakaf Institusi Kewangan Islam untuk pembangunan Ummah*” dalam (*kertas kerja seminar Pembangunan wakaf dan Baitul mal*) Negeri Johor. (Anjuran Kerajaan Negeri Johor bekerjasama dengan Institut Pentadbiran Awan Negera Malaysia 1408/1987), 36

<sup>23</sup> Al-‘Abbās , Syams al-Dīn Muhammad bin Alī, *Nihāyah al-Muḥtāj ila Syarh al-Manhaj fi al-Fiqh ‘ala Mazhab al –Imam Syafi’i*, (Qahirah : Al-Matba’ah al-Misriyyah wa maktabatuha, 1938),5:119

bersepakat bahawa orang yang berhak menerima harta wakaf mesti orang yang berkelayakan untuk menerimanya.<sup>24</sup>

### **2.2.3. Harta yang diwakafkan (*Mawquf*)**

Harta yang diwakafkan disyaratkan berupa harta yang mempunyai nilai, harta kepunyaan pewakaf dan harta berfaedah dan bermanfaat.

#### **2.2.2.4. Lafaz Wakaf (*Ṣighah*)**

Lafaz wakaf mestilah mengandungi erti kekal, dilakukan secara langsung menjelaskan tempat pemberian wakaf dan mesti mengikat kukuh akad wakaf.<sup>25</sup>

## **2.3 KEPENTINGAN WAKAF TERHADAP PEREKONOMIAN UMAT**

Wakaf merupakan salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen rohani dan kebendaan. Justeru itu, ia dikatakan satu institusi pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan penting kepada masyarakat Islam khususnya.<sup>26</sup>

Pengurusan dan pentadbiran harta wakaf secara profesional adalah amat penting kerana ianya adalah salah satu pada instrumen ekonomi Islam yang telah membuktikan peranan berkesan kepada umat Islam sebelum ini. Hasil daripada harta wakaf yang dibangunkan itu dapat membiayai beberapa sektor kemasyarakatan dan

---

<sup>24</sup> Hassan ‘Abd Allāh al-Amin, *Idārah Wa Thamsīr Mumtaliqa al -awqqāf*, (Al-Bank al-Islam Tanmiyyah al-Ma’ahad al-Islam, 1994), 2:118.

<sup>25</sup> Muhammad ‘Ubayd al-Kubasyi, *Alhkām al Waqf fī al-Syari’ah al-Islāmiyyah*. (Baghdad; Matba’ah al -Irsyād,1977), 25.

<sup>26</sup> Dusuki Ahmad, “Pengurusan Waqaf Secara Profesional’ Pendekatan Amanah Raya Berhad 2004),3

kebajikan sekaligus dapat membasmi kemiskinan dan kejahilan, menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan pendidikan, memperbanyak peluang pekerjaan dan dapat membantu kerajaan dalam mengurangi beban belanja pengurusan. Sejarah tamaddun Islam telah membuktikan demikian <sup>27</sup>

Kehidupan masyarakat harusnya boleh di kelola secara baik dengan menjamin kualiti kehidupan yang dapat mewujudkan martabat manusia (*al-karāmah al-inṣāniyah*) melalui pemanfaatan harta wakaf secara maksimum. Sebagai sebahagian daripada ajaran Islam, sistem wakaf memperlihatkan bahawa ajaran Islam memberikan perhatian yang tinggi terhadap permasalahan umat. Inilah, ajaran wakaf sesungguhnya berhubungkait dengan masalah sumber daya alam yang merupakan harta kekayaan dan sumber daya manusia (SDM) sebagai sumber pemanfaatan. Di antara permasalahan yang terpenting adalah perawatan, pengembangan dan pelestarian, pengelolahan, pemanfaatan, pemerataan dan pengaturan yang baik dan adil untuk memenuhi keperluan kehidupan yang lengkap, pada amnya disebut kemakmuran, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam jangka pendek dan jangka panjang dari kehidupan manusia. Untuk menjamin kepuasan kesejahteraan zahir dan batin manusia dalam batas-batas pengendalian moral (iman dan taqwa). <sup>28</sup>

Bahawa wakaf merupakan suatu sumber pendapatan yang sangat baik untuk keperluan bagi masyarakat yang kurang mampu, untuk dapat menyokong hidup orang banyak serta membantu masyarakat dibawah jurang kemiskinan. Wakaf dapat berjalan dengan lancar untuk kepentingan masyarakat dengan melakukan upaya

---

<sup>27</sup> Abul Hamid Yunus, "*Wakaf dan Pranannya dalam Pembangunan Umat*", Koleksi al-Yakin 1978-1979, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1980), 2.

<sup>28</sup> Departemen Agama RI, "*Pedoman Pengelolaan dan Pengembangan Wakaf*" (Jakarta, Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggara Haji, Proyeksi Peningkatan Pemberdayaan Wakaf, 2004), 62-63



kepada penyimpanan yang amanah. Tentu sahaja pemaknaan amanah disini tidak berhenti pada aspek moral sahaja, namun nilai-nilai profesionalisma juga menentukan apakah institusi tersebut pada akhirnya boleh dipercayai atau tidak. Institusi Nazhir boleh dikatakan sebagai institusi yang amanah jika dapat memenuhi syarat sebagai berikut.<sup>29</sup>

**2.3.1 Tanggungjawab**, setiap orang yang dipercayai menjabat institusi moral, tidak mungkin berlaku penyelewengan penyimpangan dan ketidakmampuan pengurusan dalam pengelolaan wakaf. Aspek tanggungjawab menjadi kunci yang paling pokok dari seluruh dunia perwakafan. Sekiranya tiada sikap bertanggungjawab yang dimiliki dalam institusi Nadzir maka wakaf hanya sebagai Institusi keagamaan yang tidak produktif, bahkan menjadi beban masyarakat atau umat Islam.

**2.3.2. Efisien**, inti pengelolaan organisasi atau institusi adalah efisien meliputi penggunaan dan penghematan kos pentadbiran dan kegiatan yang berhubung kait dengan aspek pembiayaan dalam pengelolaan harta wakaf.

**2.3.3. Rasional**, Penalaran merupakan prinsip pokok dalam tata pelaksanaan organisasi. Rasionaliti polisi dan pengambilan keputusan dalam pengurusan harta wakaf menjadi hal yang tidak boleh dihindarkan, sebab aspek yang bersifat tidak rasional menghambat perkembangan wakaf secara am. Salah satu aspek yang paling utama adalah kualiti insani bukan didasarkan pada hubungan emosi tanpa mempertimbangkan kualiti.

---

<sup>29</sup> Direktorat Pengembangan Zakat dan Wakaf, *Fiqh Wakaf*, (Jakarta Dikrorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam,dan Penyelenggaraan Haji 2005), 105

Tanggungjawab seorang yang memegang amanah untuk pengembangan wakaf sangat penting sekali, hanya sahaja di tangan Nadzir saja wakaf dapat berkembang, juga berusaha untuk meningkatkan pendapatan masyarakat miskin daripada hasil pengembangan wakaf, pengurusan wakaf dengan baik akan memberikan impak positif terhadap sumbangan sosial yang dapat meningkatkan pendapatan masyarakat, pendidikan, kesihatan dan pelbagai masalah dalam masyarakat akan dipenuhi.<sup>30</sup>

Ketentuan wakaf jelas diperuntukkan kepada masyarakat yang sangat memerlukan wang untuk keperluan kehidupan seharian. Peraturan hukum Islam telah menjelaskan bahawa wakaf adalah merupakan bahagian dari sistem ekonomi yang dapat menyokong dan mengembangkan harta untuk dapat dipergunakan yang bersesuaian dengan hukum Islam, mengangkat darkat dan martabat serta nilai-nilai manusia dari kefakiran dan kemiskinan. Keberlangsungan wakaf sangat perlu dikembangkan dalam dunia Islam kerana banyaknya tanah wakaf yang belum di produktifkan secara maksimum sehingga tanah-tanah wakaf menjadi mati tanpa diwariskan dengan baik.

Pemanfaatan yang dilakukan oleh pihak Nazir untuk memajukan harta wakaf agar tetap berjalan pada jalur yang telah direncanakan, maka perlu dilaksanakan pengendalian dan penilaian yang efektif dan berterusan dengan berpedoman kepada standard pengurusan dan memajukan wakaf, sehingga dapat diambil langkah-langkah perbaiki bila terjadi penyimpangan. Pengendalian adalah pelaksanaan pengawasan, pemeriksaan berterusan dan tindakan yang bertujuan suatu kegiatan

---

<sup>30</sup> *Ibid*,

pengurusan untuk memajukan wakaf terlaksana sesuai dengan fungsi dan tujuannya.<sup>31</sup> Ada beberapa jenis pengendalian iaitu:

**Jenis Pengendalian Langsung ialah:**

Pengendalian langsung iaitu pengendalian yang dilakukan oleh pejabat /kaki tangan kerajaan yang ditugaskan oleh Kerajaan yang berkuasa ke lokasi tempat berlangsungnya pengurusan wakaf. Dalam pelaksanaan pengendalian langsung dilakukan kegiatan koordinasi, pemberian bimbingan dan pengarahan serta pengumpulan data yang berhubungkait dengan kegiatan pengurusan dan memajukan wakaf yang sedang dilaksanakan. Petugas pengendalian dapat melakukan pengecekan ulang dan pembinaan secara langsung terhadap penyelewengan-penyelewengan yang ditemui dengan membimbing dan mengarahkan Nazir berorientasi kepada tujuan pengurusan dan pemajuan wakaf yang diamanahkan kepadanya.

**Pengendalian Tidak Langsung ialah:**

Pengendalian tidak langsung iaitu peraturan yang dilakukan oleh pejabat/kakitangan kerajaan pada institusi tertentu menurut peraturan yang berlaku dengan menelaah dan menilai informasi atau laporan perencanaan dan laporan pelaksanaannya, serta menyelidiki apakah telah terjadi penyimpangan atau masalah dalam pengelolaan dan pemberdayaan wakaf untuk diadakan tindakan pembetulan dan perbaikan. Kegiatan pengendalian tidak langsung dapat dilaksanakan dengan jarak jauh seperti: melalui telefon, faksimili dan internet serta dapat pula menggunakan formula pengendalian.

---

<sup>31</sup> Ibid, h, 106-107

Isi pengurusan pengelolaan wakaf untuk meliputi kerja-kerja berikut:

*Standard* Pengelolaan wakaf yang meliputi: Institusi Badan Pengelolan Tanah Wakaf, Prosedur Pendaftaran Tanah Wakaf, Pemeliharaan dan Pengamanan Tanah Wakaf, Pemasangan papan nama (*signboard*), Pemasangan Pagar, Prosedur rislag (tukar –tambah), Penyelesaian kes. Strategik Pengurusan Tanah Wakaf meliputi: Tanah strategi dan produktif, Tanah kurang strategik, Pengurusan dan pemanfaatan, Peningkatan Sumber Daya Manusia bermakna pemikiran dan pengetahuan Nadzir dan Pembinaan dan bengkel latihan pengurusan dan pemanfatan

## **2.4 JENIS TANAH WAKAF**

Dalam kajian ini pembahasan kepada jenis tanah wakaf ditumpukan kepada aplikasi dari pemanfaatan tanah wakaf itu sendiri. Menurut Pendapat Sayyīd Ṣābiq mengatakan bahawa wakaf khas ialah merupakan wakaf diri peribadi dan dan wakaf para ahli keluarga yang terdekat disebut juga sebagai (*wakaf al-ahlī*) sedangkan Wakaf Am ialah wakaf yang dilaksanakan terutama dalam bentuk kebaikan di manfaatkan oleh orang banyak dinamakan (*waqf al-khayrī*)

Wakaf Khas ini juga merupakan wakaf diberikan kepada keluarga atau diutamakan ahli keluarga yang terdekat untuk dapat mengembangkan dan memanfaatkan harta tersebut. Antaranya seperti pewakaf mewakafkan hartanya bagi manfaat dirinya, kemudian kepada anak-anaknya. Seterusnya kepada kaum kerabatnya dengan tujuan untuk mendapatkan manfaat dan kebaikannya. Pengurusan dan pentadbiran Wakaf Am adalah terletak sepenuhnya kepada pemerintah atau kerajaan dengan memastikan apakah hak dan kewajipan serta manfaat daripada harta wakaf tersebut dapat

dinikmati atau dirasakan hasilnya oleh mereka yang benar-benar berhak untuk mendapatkan hasil tersebut atau berkelayakan.<sup>32</sup> Contohnya perwakafan tanah untuk dijadikan hospital atau pusat pendidikan, Hotel, Kedai Runcit, rumah sewa dan lain-lainya

#### 2.4.1 Wakaf Tanah Produktif

Untuk lebih jelasnya bahawa wakaf tanah produktif lebih berkembang dan maju dengan menggunakan pengurusan yang benar untuk mengembangkan harta wakaf tersebut sebagaimana yang dijelaskan dalam Hadis Nabi SAW yang melandasi pemanfaatan tanah yang diperolehi di bumi Khaybar, oleh Umar Ibn al-Khattāb ra, beliau telah datang kepada Nabi SAW untuk meminta arahan dan petunjuk kepada Nabi SAW tentang tanah yang diperolehinya. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhārī:

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن عمر ابن الخطاب أصاب أرضاً بخيبر فأبى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال : يا رسول الله ، إني أصبت أرضاً بخيبر لم أصب مالاً قط هو أنفسي عندي منه، فما تأمرني ؟ قال : إني شئت حبست أصلها وتصدقت قال فتصدقت بها عمر أنه لا يباع ولا يوهب ولا يورث ، وتصدقت بها في الفقراء وفي القربى وفي الرقاب وفي سبيل الله وابن السبيل و الضيف لا جناح علي من وليها أن ياكل منها بالمعروف ويطعم غير متمول .<sup>33</sup>

*Diriwayatkan daripada Ibnu Umar ‘Umar ra bahawa ‘Umar bin Khattab ra memperoleh tanah (kebun) di bumi Khaybar. Kemudian dia datang kepada Nabi SAW untuk meminta arah dan petunjuk mengenai tanah tersebut. Berkata Umar ra:“ Wahai Rasulullah, saya telah memperolehi tanah di bumi Khaybar, belum pernah saya*

<sup>32</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sūnah*, (Beirut Dār al-Kitāb al-‘Arabī 1971),3:

<sup>33</sup> Muhammad bin Ismā‘īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (*al-Jami’ al-Sahīh al-Mukhtasār*, 6 j., *Kitāb al-Shurūṭ*, *Bāb al-Shurūṭ fī al-Waqf*), no Hadith 2586. (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 982.

*mempeoleh harta yang banyak dan tinggi nilainya (harga) daripadanya (melebihi tanah tersebut). Apa yang engkau beri petunjuk kepadaku mengenainya tanah tersebut?” Nabi SAW bersabda: “Jika kamu sedekahkan (hasilnya) kepada fakir miskin, kaum keluarga, hamba sahaya (orang tertindas), orang yang berjuang di jalan Allah, orang musafir dan untuk tetamu. Bagaimanapun, ia boleh dimanfaatkan dengan cara yang baik oleh pihak yang mengurusnya seperti makan atau minum memberi makan rakan tanpa menjadikannya sebagai harta milik peribadi”.*

Tanah wakaf boleh digunakan untuk menghugunkaitkan ibadah dan kegiatan sosial. Sesungguhnya kehadiran wakaf itu sendiri lebih mencerminkan suatu institusi yang harus diurus dan digali potensi ekonominya.

Sepanjang sejarah Islam, wakaf telah berperanan dalam pengembangan kegiatan-kegiatan sosial ekonomi, kebudayaan masyarakat Islam dan telah memberikan fasiliti kepada sarjana dan mahasiswa dengan saranan dan prasarana yang memadai yang memungkinkan mereka melakukan pelbagai kegiatan seperti penyelidikan pengajian dan menghabiskan pengajian mereka. Terdapat banyak program yang memberikan hasil wakaf mereka seperti, penulisan buku, penterjemahan dan kegiatan-kegiatan ilmiah dalam pelbagai bidang pengajian termasuk juga dalam bidang kesihatan.

Wakaf tidak hanya menyokong pengembangan ilmu pengetahuan, tetapi juga menyediakan pelbagai fasiliti yang diperlukan oleh mahasiswa mahupun masyarakat. Sebagai contoh dalam bidang kesihatan, lembaga wakaf juga menyediakan fasiliti-fasiliti untuk meningkatkan kesihatan masyarakat, fasiliti pendidikan dan pembangunan industri ubat-ubatan serta kimia. Dilihat dari segi bentuk wakaf juga terbatas pada benda tidak bergerak dan benda yang bergerak. Di beberapa negara sistem wakaf sudahpun berkembang, berupa dalam pendidikan pemberdayaan kepada tanah pertanian, perkebunan, flat, wang saham, hartanah dan lain-lain yang semuanya dikelola secara produktif.

Hasilnya benar-benar dapat dipergunakan untuk mewujudkan kesejahteraan umat. Amalan wakaf dilihat berjaya dipelbagai negara seperti di Mesir kerana pengurusan yang secara berkesan. Hal ini adalah kerana lokasi tanah yang diwakafkan hanya cukup untuk dipergunakan untuk tujuan wakaf yang diikrarkan wakif seperti untuk sekolah atau masjid diiringi tanah atau benda lain yang dapat dikelola secara produktif. Memang ada beberapa institusi yang mengurus wakaf secara produktif di Indonesia, misalnya Yayasan Badan Wakaf Sultan Agung, Badan Wakaf Universiti Islam Indonesia, Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Pesantren Modren Gontor, Dompot Dhuafa Republika, Pos Keadilan Peduli Umat dan lain-lain.<sup>34</sup>

Selari dengan itu umat Islam digalakkan untuk mewakafkan harta-harta mereka demi kepentingan umat yang menjadi amal jariah dan mendapat tempat disisi Allah Swt. Harta yang diwakafkan kepada orang ramai dengan melalui surat akhbar, kutbah-kutbah jum'ah, risalah-risalah, program dakwah dan persatuan-persatuan organisasi masyarakat Islam.<sup>35</sup>

Dalam perspektif Islam, hartanah merupakan harta yang boleh diwakafkan termasuk tanaman serta bangunan. Secara prinsipnya, setiap hartanah wakaf dianggap unik dan sebuah hartanah tidak boleh mengantikan dengan hartanah lain, ini menjadikan ia salah satu harta wakaf yang istimewa berbanding yang lain. Walaupun ada persepsi negatif tentang pelaburan harta wakaf haruslah dikaji semua tempat, pernyataan tradisional yang boleh menggalakkan pelaburan hartanah menjadi senarai penting pelaburan mereka.

---

<sup>34</sup> H.Imam Suhadi, *Wakaf Untuk Kesejahteraan Umat 2002*)

<sup>35</sup> Kamaruddin Ngah, *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, (Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka 1992), 83

2.4.1.1 Hartanah adalah pelaburan *hybrid* yang kompleks kerana ia mampu menawarkan pulangan bukan sahaja sewa, lebih dari potensi pertumbuhan nilai modal.

2.4.1.2 Ketidaksamaan adalah ciri pelaburan harta tanah wakaf yang boleh menawarkan potensi kepelbagaian dalam pelaburan yang tidak ada dalam sebarang pelaburan sekuriti.

2.4.1.3 Portfolio hartanah itu sendiri mengandungi beberapa jenis atau kategori hartanah yang mampu untuk mengurangkan risiko portfolio

2.4.1.4 Nilai dan pulangan hartanah selalunya memperlihatkan turun naik yang rendah berbanding saham dan bon. Kestabilan prestasi pelaburan hartanah adalah lebih baik.

Hartanah wakaf mampu menawarkan faedah yang besar kepada institusi wakaf khasnya, dan sistem ekonomi Islam umumnya. Walau bagaimanapun masalah utama dalam pelaburan harta wakaf ialah pembiayaan dimana masih belum ada mekanisme pembiayaan yang khas untuk harta wakaf. Wakaf tunai mungkin boleh dianggap sebagai salah satu alternatif untuk membiayai pembangunan harta wakaf.<sup>36</sup>

Menurut pandangan ekonomi, tanah wakaf yang begitu luas dan menempati beberapa lokasi yang strategik memungkinkan untuk diurus dan dikembangkan secara produktif. Sebagai contoh, cukup banyak tanah wakaf yang dibangunkan berupa masjid atau surau (*musholla/ langgar*), sedangkan sisa tanahnya yang masih

---

<sup>36</sup> Hishamuddin Mohd Ali., "Pelaburan Wakaf: Strategi Rangka Kerja Perundangan Islam," dalam *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Wakaf Memertabatkan Kecemerlangan Ummah*, (Hotel Legend Kuala Lumpur 2006),1



luas boleh dibangunkan bilik pertemuan untuk disewakan kepada masyarakat umum. Hasil penyewaan bilik tersebut dapat dipergunakan untuk pemeliharaan masjid.<sup>37</sup>

Sebagai contoh kes pemanfaatan tanah wakaf yang dikuasai oleh sebuah organisasi terbesar di Indonesia iaitu Muhammadiyah di Kalimantan Selatan oleh masing-masing Cawangan, Daerah, atau Wilayah dimanfaatkan untuk pelbagai kegiatan. Secara garis besar ia bersesuaian dengan klasifikasi yang ditentukan oleh Surat Dirjen Agraria Nombor 593/2483/ Arg, Tarikh 22-4-1982, tanah-tanah tersebut digunakan untuk:

- i. Keperluan peribadahan seperti, Masjid, Musholla, Surau dan Langgar
- ii. Keperluan Sosial seperti, Sekolah, Panti Asuhan Yatim, Hospital
- iii. Kegiatan Sokongan seperti, Ladang dan Kebun<sup>38</sup>

Wakaf merupakan peranan sangat penting dalam pembangunan masyarakat muslim sepanjang sejarah perkembangan Islam, namun dalam kenyataannya, persoalan belum dikelola secara baik sebagaimana tujuan para wakif itu sendiri, khususnya di Indonesia. Untuk itu sudah waktunya kita mengkaji, menganalisis dan menerapkan strategik pengelolaan, pemberdayaan dalam rangka pengembangan wakaf secara berkesinambungan (*berterusan*) agar harta wakaf, khususnya tanah wakaf yang strategik boleh dijadikan salahsatu alternatif nyata dalam pemberdayaan ekonomi umat.<sup>39</sup>

Untuk pengurusan, memajukan dan mengembangkan tanah wakaf yang strategik dimana hampir semua wakif yang menyerahkan tanahnya kepada nazir tanpa menyertakan untuk membiayai operasi usaha produktif, tentu sahaja menjadi

---

<sup>37</sup> Achmad Djunaedi, Thobieb Al-Asyhar “*Menuju Era Wakaf Produktif, Sebuah Upaya Progresif Untuk Kesejahteraan Umat,*” (Jakarta, Mitra Abadi Prees, (2005), 77

<sup>38</sup> Adijani Al-Alabij, *Perwakafan Tanah Di Indonesia dalam Teori dan Praktik,* (Jakarta : PT. Grafindo Persada, 2002), 81

<sup>39</sup> Depag RI, *Panduan Pemberdayaan Tanah Wakaf Produktif Strategis di Indonesia,* (Jakarta: Direktorat Pengembangan Wakaf dan Zakat, 2005), 87

persoalan yang cukup serius. Kerana itu, diperlukan strategik hartanah agar bagaimana tanah-tanah wakaf yang begitu banyak dihampir seluruh daerah di Indonesia segera diusahakan untuk kepentingan kesejahteraan masyarakat. Strategik pengembangan tanah-tanah wakaf produktif dan kerjasama:

Institusi Nazir harus berkerja dan berusaha dengan pihak-pihak lain yang mempunyai modal dan melibatkan usaha yang bersesuaian dengan posisi, lokasi tanah yang strategik dan memiliki nilai komersilnya/ harga cukup tinggi mempunyai hubungan timbalbalik untuk menggerakkan potensi ekonomi yang dimiliki oleh masyarakat iaitu, berupa tanah-tanah wakaf tersebut. Bahkan, perlu diambil kira bahawa sistem kerjasama dengan pihak ketiga tetap harus mengikuti sistem syari'ah baik dengan musyarakah mahupun mudharabah. Pihak-pihak ketiga ialah:

- i. Institusi pelaburan usaha yang berbentuk badan usaha dan institusi perkhidmatan kewangan. Institusi ini berasal dari institusi lain diluar wakif, atau institusi wakaf lainnya yang tertarik terhadap pengembangan atas tanah wakaf yang dianggap strategik.
- ii. Pelaburan perseorangan yang memiliki modal cukup. Modal yang dilaburkan berbentuk saham kepemilikan sesuai dengan nilai yang ada. Pelaburan perseorangan ini boleh dilakukan lebih dari satu pihak dengan gabungan saham sesuai dengan yang dilaburkan.
- iii. Institusi perbankan syari'ah atau institusi kewangan Syari'ah sebagai pihak yang memiliki wang pinjaman. Dana pinjaman yang diberikan kepada pihak Nadzir wakaf berbentuk kredit dengan sistem perkongsian untung.
- iv. Institusi perbankan antarbangsa yang cukup peduli dengan pengembangan tanah wakaf di Indonesia, seperti Islamic Development Bank (IDB) atau Bank Pembangunan Dunia.

- v. Institusi kewangan dengan sistem pembangunan BOT (*Build of Transfer*)
- vi. Institusi penjamin Syari'ah sebagai pihak yang akan menjadi sandaran Nazir apabila usaha pengembangan tanah wakaf mengalami kerugian
- vii. Institusi Swadaya Masyarakat yang peduli terhadap pemberdayaan ekonomi umat, baik dalam atau luar negara. Selain bekerjasama dengan pihak lain yang memiliki hubungan pemodal usaha. Nazir wakaf harus menguatkan program-program usahanya dengan pihak atau institusi yang boleh menyokongnya. Seperti Majelis Ulama Indonesia (MUI), Perguruan Tinggi (PT), Institusi Konsultan Kewangan, Institusi Arsitektur (seni bina), Institusi Pengurusan Institusi Konsultan Hukum, dan lain-lain.<sup>40</sup>

Pada tahun 2007 di Sumatera Utara terdiri dari 25 Kabupaten/ Kota tentu memiliki tanah wakaf yang sangat luas tersenarai dalam bentuk sertifikasi tanah wakaf, lokasi tanah wakaf 15.938 Persil dengan keluasan 29.076.733.80 M<sup>2</sup>, yang bersijil di 7005 lokasi dengan keluasan 9.720.670.57 M<sup>2</sup> dalam proses Badan Pertanahan Nasional di 2.223 lokasi dengan keluasan 4.206.338.00 M<sup>2</sup>, yang terletak dibawah akta Ikrar Wakaf di 4.203 lokasi dengan keluasan 10.150.107.36 M<sup>2</sup>, yang belum di letakkan dibawah akta Ikrar Wakaf terletak di keluasan di 2.173 lokasi dengan keluasan 3.049.448.75 M<sup>2</sup>, yang belum bersijil di 8.178 lokasi dengan keluasan 18.035.256.11 M<sup>2</sup>.<sup>41</sup>

Untuk di Bandar Medan data persijilan tanah wakaf pada bulan November 2007 terdapat di Bandar Medan terletak di 1.242 lokasi dengan keluasan 1.681.762.15M<sup>2</sup> bersijil di 657 lokasi dengan keluasan 611.116.47M<sup>2</sup>, dalam proses

---

<sup>40</sup> Depag RI, *Pedoman Pengendalian dan Evaluasi Pengelolaan Wakaf*, (Jakarta: Direktorat Pengembangan Wakaf dan Zakat, 2004), 81-83

<sup>41</sup> H.Syariful Mahya Bandar, beliau adalah Kepala Bidang Penyelenggaraan Haji, Zakat dan Wakaf di Kantor Wilayah Departemen Agama Sumatera Utara, *Data Sertifikasi wakaf di Propinsi Sumatera Utara pada tahun 2007*

Badan Pertanahan Nasional 329 lokasi dari data yang ada tidak tertulis berapa luas tanah tersebut, yang berakta Ikrar Wakaf 36 lokasi belum diketahui jumlah luasnya, yang tidak bersijil.<sup>42</sup> Dalam Direktori Tanah Wakaf pada Tahun 2007 Kecamatan Medan Belawan belum terdata. Dalam penyelidikan ini dapat kita simpulkan bahawa seluruh tanah wakaf yang berada di Sumatera Utara mahupun di Bandar Medan apabila bersijil boleh dimajukan kerana sudah memiliki kebenaran dari pihak kerajaan Indonesia.

Selain wakaf yang diberikan kepada individu, terdapat juga wakaf gotong royong berupa masjid, madrasah, *musolla*, surau, rumah anak yatim, hospital, jambatan dan pelbagai lain lagi pembangunan boleh dibuat dengan membentuk jawatan kuasa mengumpulkan wang dan setelah wang terkumpul anggota masyarakat sama-sama bergotong-royong menyumbangkan tenaga untuk pembangunan wakaf yang dimaksud.<sup>43</sup>

#### **2.4.2 Wakaf Tanah Tidak Produktif**

Pengurusan wakaf tidak produktif, disebabkan kurangnya pemahaman umat Islam di Indonesia mengenai seluk beluk wakaf itu sendiri. Soalnya pengajian dan perluasan mengenai perwakafan di Indonesia belum dilakukan secara optimum. Sistem pengurusan dan pemanfaatan wakaf salah satu aspek penting dalam perkembangan dan paradigma baru wakaf Indonesia. Pada amnya tanah wakaf lebih diutamakan kepada penjagaan dan keabadian benda sahaja, maka dalam pemanfaatan wakaf tanah lebih diterapkan kepada pengurusan ain wakaf tersebut sehingga

---

<sup>42</sup> Drs. H.Abd Rahim, M.Hum (beliau adalah Ketua Kementerian Agama Islam Bandar Medan) *Direktori Tanah Wakaf Kota Medan 2007*

<sup>43</sup> Muhammad Daud Ali, *Sistem Ekonomi Islam: Zakat dan Wakaf*, (Jakarta; Universiti Indonesia 1988),1: 96

pemanfaatan lebih tanpa kehilangan tanah tersebut. Hampir seluruh wilayah dan masyarakat Indonesia memiliki kefahaman dan pemikiran dalam pengurusan harta wakaf dalam tatanan dan pemanfaatan harta wakaf terdapat pada bentuk bangunan sahaja.

Dari data yang terhimpun bahawa tanah wakaf yang berlokasi dikawasan Sumatera Utara adalah 100.898.713 M<sup>2</sup> dan jumlah luas tanah wakaf yang sudah dimanfaatkan adalah 4.414. 817. M<sup>2</sup>. Ini bererti terdapat 96.483. 896 M<sup>2</sup> (96 % peratusan ) tanah wakaf di Sumatera Utara yang belum dimanfaatkan. Demikian juga jumlah lokasi tanah wakaf di Sumatera Utara. Terdapat perbezaan antara jumlah seluruh lokasi tanah wakaf dengan jumlah lokasi tanah wakaf yang telah dimanfaatkan di Propinsi Sumatera Utara. Jumlah lokasi tanah wakaf di Sumatera Utara adalah 15.702 Persil dan jumlah lokasi tanah wakaf yang sudah dimanfaatkan adalah 3.564 Persil. Ini bererti terdapat 12.138 (77, 30 % Peratus) tanah wakaf di Sumatera Utara yang belum dimanfaatkan.<sup>44</sup>

Dari jumlah tanah wakaf di Bandar Medan berjumlah 1242 Persil dengan luas 1.681.762.15 M<sup>2</sup>, yang telah disijilkan 657 persil dengan luas 611.116.47 dalam proses Badan Pertanahan Nasional terdapat 329 lokasi dan sudah Akta Wakaf Ikrar 36 lokasi ertinya sebanyak 585 Pesril lagi tanah wakaf di Bandar Medan belum di manfaatkan.<sup>45</sup>

Kawasan Bandar Medan banyak tanah wakaf yang masih belum dimanfaatkan lagi terdiri dari 567 persil, ini merupakan hak dan bidang kuasa Institusi Agama Islam di Bandar Medan. Untuk semua tanah-tanah wakaf tersebut harus dimanfaatkan. Hendaknya pihak-pihak di Jabatan Agama Islam di Bandar

---

<sup>44</sup> Departemen Agama RI, *Klasifikasi Pemanfaatan Tanah Wakaf Se-Sumatera Utara dan Kalimantan*, 46

<sup>45</sup> Direktori Tanah Wakaf (2007)

Medan dapat menyelidiki mana-mana tanah wakaf yang produktif sehingga tanah wakaf tersebut tidak terbiar.

### **2.4.3 Kesimpulan**

Wakaf merupakan ibadah sedekah dengan menahan harta asal sedangkan manfaat diagihkan kepada yang memerlukan. Banyak ulamak berselisih faham tentang kedudukan wakaf baik yang alih maupun berkekalan atau tak alih. Dalam konteks pemanfaatan harta wakaf khas yang berhubungkait dengan tanah yang merupakan dan mempunyai nilai ekonomi, ini merupakan penemuan baru untuk mengurus tanah wakaf yang memiliki hasil yang mencukupi. Hasil dari pemanfaatan harta wakaf dapat memberikan pembangunan ekonomi umat secara berterusan. Dalam pengurusan harta wakaf hendaklah diurus secara profesional dan jujur sehingga amanah umat tidak menjadi percuma.